

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2017

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani peningkatan harga inflasi secara mendadak sehingga mencecah 3.7% pada Ogos 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan kadar inflasi dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan serta mengurangkan impak terhadap kos sara hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Kadar inflasi bagi 2016 dan 2015 mencatat 2.1%. Walau bagaimanapun, kadar inflasi bagi sembilan bulan pertama 2017 telah meningkat kepada

4%, terutamanya disebabkan oleh kenaikan semula harga minyak mentah global yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara.

2. Untuk makluman yang berhormat, walaupun inflasi keseluruhan bagi tempoh sembilan bulan berada pada kadar 4%, namun inflasi teras (*core inflation*) hanya pada kadar 2.5% bagi tempoh yang sama, masih rendah dan terkawal. Pengukuran inflasi teras tidak mengambil kira barangan yang naik turun harganya, bersifat sementara dan tidak mempunyai impak yang kekal kepada trend asas inflasi. Ini termasuk barangan yang harganya tidak menentu seperti sayuran segar dan makanan laut segar serta barangan yang dipengaruhi oleh kawalan harga kerajaan.

3. Dalam menangani kenaikan kos sara hidup, Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif agar dapat membantu rakyat dalam menghadapi masalah kenaikan kos sara hidup serta menangani kenaikan inflasi.

4. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepadu seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 dalam usaha menangani kenaikan inflasi dan meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Antaranya:

Pertama: Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna

(Disposable Income);

- Memperluas Program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah MDEC.
- Pinjaman mudah *Food Truck 1Malaysia (FT1M)* melalui Bank Rakyat dengan subsidi kadar faedah 4%.
- Program 1AZAM bagi meningkatkan pendapatan.
- Program Motosikal Tiga Roda di bawah FAMA, program mobilepreneur GiatMara dan program MyAGROSIS.
- Memberi geran RM5,000 kepada pemandu teksi berdaftar sedia untuk membeli kereta baharu untuk beralih kepada perkhidmatan e-hailing.
- Meneruskan program BR1M.
- Pengurangan kadar cukai pendapatan individu:
 - RM20,001 – 35,000: 5% ke 3%
 - RM35,001 – 50,000: 10% ke 8%
 - RM50,001 – 70,000: 16% ke 14%
 - Meningkatkan pendapatan boleh guna antara RM300 – RM1,000.
 - Seramai 261,000 individu akan terkecuali daripada membayar cukai.
- Bantuan dan insentif pesawah, pekebun kecil dan nelayan sebanyak RM600 untuk 3 bulan.

- Bantuan makanan, buku teks, geran kapita dan biasiswa kecil persekutuan.
- Bantuan persekolahan RM100 seorang.
- Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M) iaitu geran sepadan sehingga RM500 kepada pencarum.
- Bantuan khas kewangan pesara sebanyak RM750.
- Bantuan khas kewangan penjawat awam sebanyak RM1,500.
- Bantuan khas Tok Batin dan Ketua Kampung sebanyak RM1,500.
- Bantuan khas Guru KAFA dan Takmir Imam, Bilal dan Siak sebanyak RM1,500.
- Kenaikan elaun OKU sebanyak RM50.

Kedua: Membendung kenaikan harga secara mendadak;

- Meneruskan subsidi barangan, pengangkutan, elektrik dan tol.
- Memperluaskan kepada 3000 Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M 2.0) dalam tempoh tiga tahun, yang menjual 5 barang keperluan asas dengan harga rendah iaitu beras, gula, minyak, tepung dan gas LPG.
- Menyeragamkan harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak.

- Membangunkan Agrobazaar Malaysia dengan harga jualan agro lebih rendah.
- Program FAMA dan LKIM bagi memastikan stok makanan berpatutan.
- Memansuhkan kutipan tol mulai 1 Januari 2018 bagi Batu Tiga dan Sungai Rasau, Selangor; Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan Eastern Dispersal Link, Johor.

Ketiga: Menambah baik GST

- Tiada GST ke atas pembekalan perkhidmatan oleh PBT.
- Layanan GST berkadar sifar ke atas bahan bacaan seperti majalah dan komik
- Pelepasan GST ke atas operator kapal persiaran.
- Pelepasan GST pengimportan peralatan berkaitan industri minyak dan gas di bawah satu perjanjian pajakan (*lease agreement*).
- Pelepasan GST sepenuhnya diberi ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang dibiayai melalui sumbangan derma.
- Pelepasan GST diberi ke atas pengimportan *big ticket items* seperti kapal terbang dan kapal oleh syarikat penerbangan dan perkapalan.

- 59
69
- Tiada GST bagi Perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan kediaman berstrata.